



**KENYATAAN AKHBAR  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19)  
DI MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan dua (2) lagi kes telah pulih sepenuhnya dan dibenarkan pulang ke rumah pada hari ini. Sementara itu TIADA kes baharu yang dilaporkan.

Kedua-dua kes telah dirawat di Hospital Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya iaitu;

- i. Kes ke-14, seorang wanita warganegara China berumur 37 tahun yang telah disahkan positif COVID-19 pada 5 Februari 2020; dan
- ii. Kes ke-19, seorang wanita warganegara China berumur 38 tahun yang telah disahkan positif COVID-19 pada 12 Februari 2020.

Ini menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 yang telah pulih sepenuhnya dan discaj sehingga hari ini adalah sebanyak 20 orang dengan dua (2) orang masih dirawat di wad dan berada dalam keadaan stabil.

Sehingga 24 Januari 2020, jumlah kumulatif kes positif COVID-19 yang dilaporkan di Malaysia KEKAL sebanyak 22 kes.

Sekian, terima kasih.

**YB DATUK SERI DR. DZULKEFLY AHMAD**  
**Menteri Kesihatan Malaysia**  
**24 Februari 2020**